

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
 AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 1 & 2

Ekonomi Madani Perkasa Rakyat

RM5 BILION
 Jaminan kerajaan di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan untuk bantu rakyat miliki rumah dengan pembiayaan sehingga 120%

RM800 JUTA
 Peruntukan tambahan untuk menangani masalah bekalan air di Kelantan dan Sabah

RM100 JUTA
 Geran padanan digitalisasi bagi membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana beralih kepada lebih digital

RM42 JUTA
 Program Bina Kerjaya untuk pekeja tidak formal termasuk pekeja gig dengan kelayakan SPM dan ke bawah

RM10 JUTA
 Untuk mudah cara proses pendaftaran, pemutihan tugas dan pusat jagan kanak-kanak belum berdaftar

RM100
 KREDIT e-tunai kepada rakyat dewasa berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah

RM300
 Perjawatan awam Gred S6 dan ke bawah

RM200
 Pesara kerajaan

Tingkat darjat hidup seluruh masyarakat, angkat semula martabat negara

EKONOMI MADANI
Memperkasakan Rakyat

ANWAR ketika berucap melancarkan Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat di Kuala Lumpur semalam. — FAKIR RUSADU

KUALA LUMPUR – Meningkatkan kualiti dan darjat hidup seluruh rakyat menjadi tumpuan kerajaan menerusi pelancaran Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat yang disempurnakan Perdana Menteri semalam.
 Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap melancarkan kerangka ekonomi baharu itu berkata, tumpuan kedua itu adalah hasil pulangan daripada sasaran ekonomi negara lebih tinggi yang menjadi tumpuan pertama kerajaan.
 • BERSAMBUNG DI MUKA 2

Ekonomi Madani perkasa rakyat

DARI MUKA 1

"Peningkatan kualiti hidup rakyat merangkumi keperluan perlindungan sosial untuk semua, pekerjaan dengan gaji bermakna serta perkongsian kekayaan bagi membina sebuah masyarakat lebih saksama dan sejahtera," katanya.

Menurut beliau, kadar upah dan gaji buruh berbanding jumlah keseluruhan pendapatan di Malaysia adalah sebanyak 32.4 peratus bagi tahun 2022.

Katanya, bagi mencapai perkongsian ekonomi yang lebih seimbang kerajaan akan melaksanakan dasar yang menyokong peningkatan upah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada tahap 45 peratus selanjutnya dengan tahap negara lebih maju.

Antara usaha itu termasuk kajian semula tahap gaji minimum serta memperkenankan undang-undang yang menjamin perkhidmatan kerja yang selamat dan selesa.

"Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia (Juga) sedang memperhalusi model gaji progresif ke arah kenaikan pendapatan yang lebih terangkum."

"Peningkatan pendapatan selaras dengan produktiviti adalah kritikal bagi memastikan tahap kualiti hidup yang bermakna dalam menangani cabaran kos sara hidup," ujarnya.



ANWAR (tengah) ketika melancarkan Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kuala Lumpur semalam. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri dan beberapa menteri Kabinet.

Dalam tumpuan pertama kerajaan, Perdana Menteri memberitahu, Ekonomi Madani adalah untuk membawa Malaysia menjadi peneraju ekonomi Asia.
 Bagi merealisasikan sasaran besar itu, kata beliau, Malaysia perlu membentuk integrasi ekonomi yang lebih besar dengan negara jiran, lebih-lebih lagi dunia sedang berdepan dengan kekangan rantaian bekalan.
 "Maka, kita perlu melahirkan

lebih banyak syarikat tempatan yang berdaya saing tinggi untuk menembusi pasaran rantau ASEAN.

"Kerajaan akan memperkenalkan insentif cukai berasaskan pencapaian bagi mendukung dan memberi ganjaran kepada syarikat yang memupuk aktiviti berdampak tinggi."

"Kita perlu mengantarabangsakan syarikat pemula dan PKS (perusahaan kecil dan seder-

hana) tempatan. Kerajaan akan memupuk usaha yang menyokong hasrat ini," ujarnya.
 Anwar memberitahu, Ekonomi Madani turut menetapkan tujuh penanda aras sebagai saasaran jangka sederhana yang mahu dicapai sebelum 10 tahun.

Antaranya Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia dan peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keselu-

Tujuh penanda aras Ekonomi Madani

- Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia
- Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia
- Peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan
- Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60 peratus
- Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia
- Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia
- Kemungkinan fiskal dengan defisit fiskal mencapai 3 peratus atau lebih rendah

ruhan pendapatan.

"Saya mencadangkan Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat sebagai wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara."

"Ini akhirnya akan memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih bermutu," ujarnya.

